



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

ROAD TO MAHA 2026 ZON UTARA DEKATI PELADANG DAN USAHAWAN AGRO

ALOR SETAR, 9 MEI 2026 – Majlis Pelancaran Road to MAHA 2026 Peringkat Zon Utara telah berlangsung dengan jayanya di Aman Central, Alor Setar, Kedah yang disempurnakan oleh Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Program ini merupakan sebahagian daripada siri promosi awal menjelang penganjuran Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show 2026 (MAHA 2026) yang akan berlangsung di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) bermula dari 28 Ogos hingga 6 September 2026.

Penganjuran Road to MAHA 2026 Zon Utara bertujuan mendekatkan aspirasi dan pengisian MAHA 2026 kepada masyarakat khususnya komuniti peladang, usahawan, golongan belia serta pengunjung di Zon Utara. Program ini juga menjadi platform bagi memperluas kesedaran mengenai potensi sektor agromakanan negara serta peranan pertanian sebagai antara sektor penting dalam menjamin keterjaminan makanan negara.

Konsep Road to MAHA bukanlah sesuatu yang baharu kerana ia telah diperkenalkan dalam edisi-edisi MAHA terdahulu sebagai program promosi awal menjelang penganjuran ekspo berkenaan. Bagi MAHA 2026, pendekatan ini diteruskan dan diperkukuh melalui pelaksanaan program di beberapa lokasi seluruh negara bagi membawa semangat MAHA lebih dekat kepada rakyat di peringkat negeri dan komuniti. Program ini berfungsi sebagai platform jelajah dan libat urus yang mempromosikan MAHA lebih awal, meningkatkan kesedaran masyarakat serta menggalakkan penyertaan petani, pesawah, penternak, nelayan, usahawan, golongan belia dan agensi kerajaan. Selain itu, ia turut menjadi medium memperkenalkan elemen serta aktiviti utama MAHA 2026 sebelum berlangsungnya acara kemuncak di MAEPS, Serdang.

Pelbagai pengisian akan diadakan sepanjang dua hari program ini berlangsung termasuk jualan produk yang melibatkan seramai 18 orang usahawan bimbingan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jualan Agro MADANI (JAM) yang memberi peluang kepada usahawan tempatan mempromosikan produk keluaran masing-masing secara lebih meluas kepada masyarakat. Penyertaan usahawan dalam program seperti ini secara tidak langsung membantu memperkenalkan produk tempatan, memperkukuh jaringan pemasaran serta membuka peluang kepada peningkatan pendapatan usahawan di peringkat masyarakat.

YB Menteri turut melancarkan Truck Road to MAHA 2026 yang menjadi simbolik kepada gerakan promosi dan hebahan MAHA 2026 ke seluruh negara. Inisiatif tersebut dilihat mampu memperluas capaian maklumat berkaitan MAHA 2026 kepada masyarakat serta meningkatkan keterlibatan orang ramai terhadap pelbagai pengisian dan aktiviti yang bakal berlangsung sepanjang ekspo berkenaan.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap cabaran modal yang dihadapi golongan pesawah dalam memastikan kelangsungan pengeluaran sektor agromakanan negara. Sehubungan itu, YB Menteri dalam ucapannya mengumumkan bahawa **Agrobank menyediakan pakej pinjaman modal khusus kepada pesawah dan turut menawarkan diskaun sebanyak 50 peratus ke atas kadar keuntungan bagi kemudahan pinjaman tersebut** sebagai usaha meringankan beban kewangan serta meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian negara. Butiran lanjut mengenai inisiatif ini akan diumumkan oleh pihak Agrobank dalam masa terdekat.

Selain itu, majlis hari ini turut menyaksikan penyampaian geran dan peruntukan di bawah KPKM melibatkan agensi-agensi di Zon Utara bagi tahun 2026. Antara peruntukan yang disampaikan adalah seperti berikut:

- i. Projek Rolling Plan Pertama (RP1) Tahun 2026 RMKe-13 kepada MADA: RM38,476,000.00;
- ii. Projek Rolling Plan Pertama (RP1) Tahun 2026 RMKe-13 kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak: RM30,705,277.00;
- iii. Program Agropreneur NextGen kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang: RM318,580.00;
- iv. Projek Pembangunan Agromakanan kepada Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Kedah: RM1,832,990.00;
- v. Bantuan Sistem Penyampaian&Khidmat Sokongan Pengembangan (SPeKS) Pengembangan dan Bantuan SPeKS Akuakultur kepada Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Kedah: RM537,630.00;
- vi. Program Ternak Ruminan, Bukan Ruminan dan Peningkatan Ruminan Kecil kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Kedah: RM687,010.00

- vii. Program Pembangunan Keusahawanan Tahun 2026 kepada Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) Kedah dan Pulau Pinang: RM442,000.00; dan
- viii. Bantuan Insentif Pembaikan Imej Produk, Peralatan dan Outlet Pemasaran kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang: RM861,900.00.

Penganjuran Road to MAHA 2026 Zon Utara diharapkan dapat menjadi medium terbaik dalam memperkukuh hubungan antara agensi kerajaan, peladang dan usahawan tempatan di samping menyokong usaha memperkasa sektor agromakanan negara.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

